

## METODOLOGI PENGAJARAN MUALAF DI INSTITUT DAKWAH ISLAMIAH PERKIM (IDIP)

### The Teaching Method of converts in Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP)

Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid & Ain Nathasha Omar

[norainimohamad@kuis.edu.my](mailto:norainimohamad@kuis.edu.my), [mariam@kuis.edu.my](mailto:mariam@kuis.edu.my) & [ainnatashaomar@kuis.edu.my](mailto:ainnatashaomar@kuis.edu.my)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

### ABSTRAK

Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) Pengkalan Chepa, Kelantan merupakan salah satu pusat pengajian terkenal dan berperanan penting dalam mengajar dan mendidik mualaf. Ramai lelasan pelajar mualaf yang dilahirkan di IDIP ini telah berjaya menjadi pendakwah dan tokoh ilmunan yang disegani. Justeru, penulisan ini mengkaji metodologi pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar kepada mualaf di IDIP. Metode kajian yang digunakan adalah metode kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kaedah pengumpulan data adalah melalui temu bual bersama peserta kajian yang terdiri daripada pengetua dan tenaga pengajar di IDIP. Hasil kajian mendapati tenaga pengajar mengaplikasikan pelbagai metodologi yang bersesuaian dengan tahap dan keadaan mualaf di IDIP antaranya ialah teknik penyampaian yang pelbagai seperti penggunaan laras bahasa yang sesuai, penyampaian secara berulang-ulang, pembinaan kumpulan dan soal jawab. Selain itu, tenaga pengajar juga sering menggunakan teknik penyelesaian masalah, pendekatan secara berhikmah dan teknik penerapan. Untuk melengkapkan kefahaman pelajar, tenaga pengajar juga menyediakan latihan amali atau praktikal khususnya berkaitan pelaksanaan ibadah. Kepentingan kajian ini adalah untuk memberi gambaran kepada tenaga pengajar mualaf khususnya dan para pendakwah serta masyarakat Islam umumnya tentang metodologi pengajaran yang boleh diaplikasi terhadap mualaf dalam usaha mempelajari ajaran Islam.

**Kata kunci:** Metodologi Pengajaran, Mualaf, Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP).

## **ABSTRACT**

*Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) in Pengkalan Chepa, Kelantan is one of the famous centre and plays an important role in teaching and educating converts. Many graduate students born in IDIP has managed to become a preacher and a respected prominent scholar. Hence, this paper examines the teaching methodology used by teachers to converts in IDIP. The method used in this research is qualitative method with case study design. The method of collecting data is through interviews with study participants consisted of principals and teachers in IDIP. The study found that teachers apply various methodologies appropriate to the level and condition of the IDIP converts among the various delivery techniques such as the use of adjustable appropriate language, delivery repeatedly, team building and question and answer. In addition, teachers also often use the problem-solving techniques, approaches and techniques for wise implementation. For a complete understanding of students, faculty also provides internships or practical training, especially regarding the implementation of worship. The importance of this study is to give teachers and preachers particularly and Muslims generally about teaching methodologies that can be applied to convert in order to learn the teachings of Islam.*

**Keywords:** *Teaching Methodology, Converts, Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP).*

## 1.0 PENGENALAN

Penggunaan istilah mualaf, saudara baru atau saudara muslim diberikan kepada mereka yang baru memeluk Islam di Malaysia. Namun kebanyakan di antara kita lebih gemar menggelarkan saudara yang baru memeluk Islam dengan gelaran mualaf. Istilah ini diambil dalam al-Quran daripada perkataan “*muallafa qulubuhum*” (9:60) yang bermaksud mereka yang dijinakkan hatinya. Proses pengajaran dan pembelajaran kepada mualaf penting diberi penekanan kerana ia merupakan titik permulaan kepada mualaf untuk mengenali Islam secara lebih dekat. Kaedah pengajaran yang baik dan bersesuaian dengan golongan mualaf akan memberi impak yang besar kepada mereka untuk memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran Islam secara lebih konsisten.

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

IDIP merupakan sebuah institut yang terkehadapan sebagai salah satu pusat pendidikan bagi golongan mualaf serta telah melahirkan ikon-ikon akademik dan pendakwah di Malaysia antaranya Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah, Dr. Nur ‘Athiroh Masyaa’il, Ustaz Mohd Fitri Abdullah, Dr. Muhammad Yusuf Marlon, ustaz Mohd Naim Abdullah, Ustaz Ramli Abdullah dan beberapa tokoh mualaf yang terkenal (ww1.Utusan Online, 2011). Justeru kajian ini memfokuskan kepada IDIP sebagai subjek lokasi bagi kajian.

Penulisan ini mengkaji kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar terhadap mualaf di IDIP. Kaedah pengajaran yang sesuai perlu untuk mualaf perlu kerana mualaf merupakan golongan yang memerlukan bimbingan asas dan berterusan. Pelbagai kelemahan kaedah pengajaran terhadap mulaf berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya ialah masalah tenaga pengajar, kekangan kandungan silibus pengajaran yang perlu disampaikan berbanding dengan tempoh masa yang terhad (Kajian Pengurusan Muallaf di Negeri Selangor, MAIS: 2013). Masalah berkaitan tenaga pengajar berlaku apabila kelemahan penguasaan kaedah pengajaran mualaf dan tidak berkemahiran dalam bidang pengajaran mulaf (Siti Fathimatul Zahrah & Nur ‘Athiroh Masyaa’il, 2015). Dalam satu kajian yang telah dibuat mendapati sehingga kini belum terdapat satu kaedah atau garis panduan yang khusus mengenai sistem

pengajaran kepada mualaf menyebabkan tenaga pengajar yang dilantik melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut cara masing-masing (Mohd Zaid, 2010).

Topik pengajaran terhadap golongan mualaf perlu dikemukakan bersesuaian dengan tahap keperluan dan penerimaan mereka (Mariam Abd. Majid, 2012). Aspek akidah merupakan perkara yang paling utama dan penting untuk difahami oleh golongan mualaf selepas memeluk Islam. Kefahaman mualaf dalam pembelajaran akidah tidak boleh diabaikan kerana kefahaman akidah yang kukuh mampu mengelakkan mualaf daripada pengamalan yang bertentangan dengan Islam (Adi Syahid, 2013). Pengabaian dalam menekankan aspek akidah boleh menyumbang kepada berlakunya isu murtad dalam kalangan mualaf tambahan terhadap golongan mualaf yang kurang pengetahuan tentang Islam serta tidak mengamalkan ajaran Islam (Faizal Arif Tajul Arifin, 2013).

Pelbagai masalah muncul berkaitan isu pengajaran dan pembelajaran mualaf. Kajian mendapati sebanyak 23.6% mualaf kurang kefahaman atau kurang memahami ajaran Islam ekoran masalah buta huruf yang dihadapi (Kajian Pengurusan Muallaf di Negeri Selangor, MAIS, 2013). Zulkifli Abdul Hamid (2013), pula menyatakan bahawa masih terdapat dalam kalangan mualaf yang telah memeluk Islam selama lima tahun tetapi masih tidak mampu untuk membaca al-Fatihah.

Melalui permasalahan yang disebutkan ini, kajian ingin mengenalpasti kaedah pengajaran yang dilaksanakan kepada pelajar mualaf di IDIP, di samping alat bantu mengajar yang digunakan.

## **2.1 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah sebagaimana berikut;

- i. Mengkaji Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) sebagai sebuah institusi pengajian kepada mualaf.
- ii. Mengenal pasti kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar kepada mualaf di IDIP.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metode kajian ini melibatkan reka bentuk, persampelan, pengumpulan data dan analisis data. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan memilih kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Metode ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan ‘*nature*’ kajian yang memerlukan kajian mendalam untuk pengumpulan maklumat. Memetik kenyataan Strauss & Corbin (1990) dalam penulisan Othman Lebar menyatakan metode kualitatif digunakan untuk mendapat pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu isu yang belum diketahui dan ia boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam yang mungkin sukar dinyatakan secara kuantitatif.

Pemilihan IDIP sebagai lokasi kajian kerana ia merupakan institut pengajian tinggi muallaf yang berdaftar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan memiliki sijil pengajian yang telah mendapat akreditasi *Malaysian Qualifications Agency* (MQA). IDIP juga merupakan institusi terawal di Malaysia yang diwujudkan untuk memenuhi keperluan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dalam melahirkan para pendakwah yang boleh menyampaikan Islam kepada masyarakat bukan Islam. Kini, institut ini telah melahirkan ramai pendakwah pelbagai bangsa yang kini bergerak aktif menyebarkan dakwah di pelusuk Malaysia. Berdasarkan kajian lepas yang menyatakan bahawa badan yang menjalankan pendidikan kepada muallaf secara formal hanya Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) yang terletak di Pengkalan Chepa, Kelantan. IDIP juga merupakan satu-satunya instituti pendidikan yang mengeluarkan sijil yang mendapat pengiktirafan MQA kepada muallaf selepas menamatkan pembelajaran (Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Yusof Marlon, 2014).

Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual bersama peserta kajian yang terdiri daripada pengetua dan dua orang tenaga pengajar. Selain temu bual, kaedah pemerhatian juga turut digunakan terhadap tenaga pengajar. Protokol temu bual separa berstruktur dijalankan bersama dua orang tenaga pengajar dan seorang pengetua, manakala senarai semak pemerhatian disediakan untuk tujuan sesi pemerhatian yang dijalankan di dalam kelas. Pengkaji telah melakukan sesi pemerhatian sewaktu sesi pengajaran berlangsung bagi membolehkan data temu bual disahkan. Semua data temu bual dan pemerhatian direkod dengan alat perakam dan kamera video.

Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini iaitu analisis secara pendekatan ‘*Grounded Theory*’. Glaser dan Strauss (1967) menyatakan pendekatan analisis secara *grounded theory* adalah digunakan untuk mendapatkan data secara induktif terhadap fenomena yang dikaji. Justeru kajian memilih analisis yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan *grounded theory* terhadap data yang diperoleh melalui kaedah temu bual dan pemerhatian.

#### **4.0 INSTITUT DAKWAH ISLAMIAH PERKIM (IDIP)**

Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) telah ditubuhkan pada akhir tahun 1961 yang bertempat di rumah banglo dua tingkat di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Sebelum ini, IDIP dikenali sebagai Pusat Latihan Mubaligh Darul Arqam dan seramai 24 pelajar telah diambil sebagai kumpulan perintis yang terdiri daripada anak-anak Melayu lepasan universiti-universiti India, di samping sekumpulan pelajar dari Korea *Muslim Federation*.

Pada tahun 1963, pusat ini terpaksa dihentikan kerana masalah yang dihadapi oleh PERKIM ketika itu. Pusat latihan ini diwujudkan semula pada tahun 1975, bertempat di No.250-D, Balai Islam Jalan Ipoh, Kuala Lumpur dengan nama Pusat Latihan Agama PERKIM. Pada tahun 1976, institut ini sekali lagi dipindahkan ke Wisma Selangor, Jalan Universiti, Petaling Jaya. Pusat ini telah bertukar nama pada tahun 1976 kepada Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). Institut ini berpindah ke Pengkalan Chepa, Kelantan pada tahun 1991 sehingga sekarang. IDIP merupakan badan dakwah rasmi yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sebagai sebuah institusi madrasah dan sekolah agama.

#### **4.1 Objektif Penubuhan**

Sebagai sebuah badan atau organisasi yang menjadi antara pusat utama pengajaran bersistem kepada mualaf, ia ditubuhkan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Memberi kefahaman asas agama Islam kepada saudara baru (mualaf) yang baru memeluk agama Islam dan keperluan melatih para pendakwah bagi membawa risalah Islam kepada masyarakat bukan Islam.
- ii. Mengkhususkan pengambilan pelajar daripada kalangan mualaf yang baru memeluk agama Islam dan melatih mereka yang layak untuk menjadi pendakwah.
- iii. IDIP menjadi satu-satunya pusat tabiah untuk mualaf di negara ini sejak penubuhannya lebih 40 tahun yang lalu sehingga kini.

## 4.2 Fungsi IDIP

IDIP mempunyai beberapa fungsi penting bagi mualaf, antaranya ialah;

- i. Menyampaikan pendidikan Islam kepada mualaf supaya mereka mengenali, memahami dan menghayati Islam sebagai satu cara hidup.
- ii. Menawarkan program pengajian secara formal di peringkat Asas dan Sijil.
- iii. Menawarkan program kokurikulum kepada pelajar untuk melengkapkan mereka dengan pelbagai kemahiran hidup supaya mereka mampu berdikari apabila keluar daripada institusi.

## 4.3 Program Pengajian di IDIP

Kursus pengajian Islam yang ditawarkan bagi golongan mualaf di IDIP terbahagi kepada tiga peringkat iaitu Kursus Persediaan Pengajian Islam (KPPI), Sijil Asas Pengajian Islam (SAP) dan Sijil Pengajian Islam (SPI) (Dokumen IDIP: 2017).

### 4.3.1 Kursus Persediaan Pengajian Islam (KPPI)

Kursus Persediaan Pengajian Islam (KPPI) merupakan program pengajian yang memberi peluang kepada saudara kita yang tidak mempunyai kemampuan dan tidak bersedia untuk mengikuti sistem pengajian Islam secara formal di IDIP. Kursus ini menyediakan asas pengajian Islam yang minima kepada seseorang pelajar sebelum meneruskan pengajian ke program berikutnya. Kursus ini berjalan selama 4 bulan tetapi jika seseorang pelajar ingin melanjutkan tempoh pengajiannya di peringkat ini tertakluk kepada persetujuan pengetua IDIP selama tempoh pengajiannya yang tidak melebihi dua semester.

### 4.3.2 Sijil Asas Pengajian Islam (SAP)

Sijil Asas Pengajian Islam (SAP) merupakan program pengajian yang menawarkan pendidikan asas pengajian Islam kepada saudara kita selama setahun (2 semester) bagi membolehkan mereka mengenali dan mengamal cara hidup Islam yang sebenar. Mereka akan didedahkan dengan asas-asas ilmu fardu ain, al-Quran dan tajwid, sirah dan pengetahuan asas bahasa Arab. Kelayakan mengikuti SAP mestilah lulus daripada KPPI yang ditawarkan sebelum ini kecuali bagi pelajar-

pelajar yang sudah memiliki sijil PMR atau kelulusan yang setaraf dengannya termasuk penilaian Pengetua IDIP.

### **4.3.3 Sijil Pengajian Islam (SPI)**

Sijil Pengajian Islam (SPI) adalah program pengajian peringkat sijil yang telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kurikulum kursus disemak dan digubal selaras dengan kehendak dan garis panduan yang ditetapkan oleh MQA. Bagi pelajar-pelajar yang ingin mengikuti pengajian ini mestilah memiliki SPM sekurang-kurangnya mendapat satu kepujian atau lulus daripada mengikuti SAP yang ditawarkan oleh IDIP sebelum ini.

### **4.4 Latihan Kemahiran**

Latihan kemahiran ditawarkan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar khususnya mualaf mengenai ilmu duniawi. Antara ilmu kemahiran yang ditawarkan ialah ilmu berkaitan komputer seperti *Microsoft Word, Excel, Power Point* dan beberapa asas pencarian maklumat yang menggunakan internet. Selain daripada itu, kursus vokasional seperti menjahit dan bertukang turut ditawarkan yang dikendalikan oleh para pensyarah Institut Latihan dan Perindustriaan Kota Bharu (ILPKB) bertujuan mendidik saudara baru dalam bidang kemahiran hidup.

### **4.5 Persediaan Peperiksaan**

IDIP menyediakan kemudahan kursus persediaan awal bagi pelajar-pelajar yang ingin menduduki peperiksaan SPM dan STPM dengan mengadakan kelas bimbingan akademik untuk membolehkan para pelajar melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara. Antara subjek yang ditawarkan ialah Matematik, Bahasa Inggeris, Sejarah, Sains, Bahasa Melayu, Prinsip Akaun, bagi peringkat SPM manakala Pengajian Am, Sastera dan Bahasa Melayu pula bagi peringkat STPM. Pemberian elaun bagi guru-guru yang mengajar subjek seperti yang dinyatakan dibiayai sepenuhnya oleh tabung kebajikan IDIP itu sendiri tanpa mengenakan bayaran daripada pelajar-pelajar yang mengikuti kelas tersebut.



#### **4.5 Laporan Kemasukan Pelajar**

Menurut laporan, dari tahun 1975 sehingga 2012, seramai 2,061 orang telah mengikuti pengajian mereka di IDIP daripada pelbagai suku kaum di Malaysia dan juga pelajar-pelajar dari luar negara. Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar menamatkan pendidikan mereka hingga ke tahap akhir kerana sebahagiannya berhenti kerana berkahwin, bekerja dan sebahagiannya gagal memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi meneruskan pengajiannya di IDIP.

#### **5.0 KONSEPTUAL KAJIAN**

Sebelum menjalankan kajian ini, beberapa pendekatan telah diambil oleh pengkaji iaitu dengan mengumpul maklumat berkaitan kajian. Model dan teori kajian telah dicari bagi membentuk konseptual kajian yang lengkap. Sumber utama kajian ini adalah daripada al-Quran dan al-Sunnah. Sumber kaedah pengajaran pula diambil daripada metode pengajaran Rasulullah SAW sebagaimana tulisan yang dihasilkan oleh Abdul Fattah Abu Ghuddah (2009) dan disokong oleh beberapa sumber yang lain. Model pengajaran daripada tokoh pula diambil daripada model pengajaran Ibnu Khaldun (2006) dan al-Ghazali (2015), manakala teori pengajaran dewasa diambil daripada al-Rawi (1993) dan Knowles (1981). Kesemua model dan teori ini diolah sehingga melahirkan kaedah pengajaran yang bersesuaian untuk diaplikasikan kepada golongan mualaf.

#### **6.0 DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian terhadap pelaksanaan pengajaran mualaf di IDIP dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis melalui pendekatan *Grounded Theory Analysis* bagi data temu bual dan observasi. Analisis dapatan kajian secara terperinci dipaparkan seperti berikut:

##### **6.1 Metodologi Pengajaran Mualaf**

Kajian ini melibatkan dua peserta kajian iaitu Peserta Kajian 1 (PK1) dan Peserta Kajian 2 (PK2). Melalui kajian yang dibuat di IDIP, kajian mendapati metodologi pengajaran yang digunakan berdasarkan kepada beberapa tema yang dikeluarkan daripada hasil temu bual dan

observasi. Berikut adalah metodologi pengajaran yang diaplikasi oleh tenaga pengajar IDIP kepada golongan muafaf;

### i. Kepelbagaian Teknik

Metodologi pengajaran yang sering digunakan adalah melalui cara penyampaian yang melibatkan pelbagai teknik iaitu penggunaan laras bahasa yang sesuai, soal jawab, membentuk kumpulan dan pengulangan.

Jadual 1.0: Rumusan Tema & Sub Tema bagi Kategori Teknik Penyampaian

Kategori	Tema	Sub-tema
Metodologi Pengajaran	Teknik Penyampaian	Laras bahasa
		Soal jawab
		Pembahagian kumpulan
		Berulang-ulang

Hasil dapatan kajian menunjukkan tema pertama yang lahir daripada metodologi pengajaran ialah teknik penyampaian. Sewaktu proses pengajaran, tenaga pengajar menyampaikan pengajaran melalui teknik yang pelbagai. Ini dibuktikan dengan jawapan yang diberikan oleh PK1. *“Kaedoh, kalu Quran tu, bawak Quran lah..gini lah. Erm.. kalau nak suruh buat itu.. fotostat bagi. Kaedah membaca, hafal tu. Tulis gitu jugok kalau subjek lain.”* (PK1/08/IDIP/14.10.2016). Ia juga turut dipersetujui oleh PK2 yang menyatakan perlunya ada metodologi penyampaian menggunakan pelbagai teknik sewaktu proses pengajaran. Kenyataan ini disokong oleh PK2. *“Ya. Saya kadang-kadang saya tengok err.. pada student macam mana. Student ni kadang-kadang kita mengajar kat depan tak beri..tak beri kesan. Kena pelbagaikan multi purpose. Kita guna kaedah slide show, mind-mapping, perbincangan soalan, hmm.. kadang-kadang saya buat, saya ringkaskan nota, fotostat lepas tu saya bagi..bagi.. Diorang nampak macam mana. Contohnya, tulis tajuk besar, kita spesifik kan tajuk, kita pecah-pecahkan terus kita draw balik dekat whiteboard, dia nampak cabang-cabang. Contohnya, solat. Dalam solat tu ada hukum, rukun, batal solat, syarah solat, pelbagai.. nak kefahaman tu.”* (PK2/7/IDIP).

Selain itu, metodologi pengajaran juga mengambil kira teknik penggunaan laras bahasa. Laras bahasa yang digunakan perlu lebih mudah dan senang difahami oleh pelajar. Tenaga pengajar di IDIP menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantaraan ketika sesi pengajaran. Ini diakui oleh PK1 yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama, namun begitu beliau masih tidak boleh menggunakan bahasa Melayu secara keseluruhan memandangkan beliau anak jati Kelantan dan masih kuat menggunakan dialek Kelantan. Buktinya seperti berikut. "*Bahaso.. Bahasa Malaysia. Pakai juga ado selit selitnyo Klate. Hmm.. Bahasa Arab pun ada jugok.*" (PK1/9/IDIP). PK2 juga bersetuju dengan kenyataan ini dengan menyatakan jawapan seperti ini. "*Bahasa Malaysia lah. Boleh faham.*" (PK2/11/IDIP).

Teknik lain yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar ialah soal jawab. Ini dibuktikan dengan jawapan PK1 yang bersetuju bahawa bertanya soalan akan memberi banyak impak kepada pelajar seperti mampu menghasilkan kefahaman yang lebih baik dalam kalangan pelajar mualaf. Kata beliau, "*Ado. Mesti bertanya. Kita tanyo lah. Hok mari lewat ko, mari lewat. Haa.. hok ni, kita belajar surah al-Asr, bagi motivasi ke dio.. bior dia sedar bahawa ni penting. Gitu lah.*" (PK1/10/IDIP). PK2 juga bersetuju dengan kaedah ini dengan menyatakan jawapan seperti ini. "*Pernah. Setiap habis kelas mesti ada. Buat tazkirah-tazkirah, contohnya bab aqidah, bab malaikat. Saya advance kan er.. alam ghaib, kira bagi tazkirah sebelum nak tinggalkan kelas. Supaya mereka lebih nak tahu apa itu Islam. Apa Islam, apa Islam.*" (PK2/12/IDIP).

Pembahagian kumpulan juga menjadi salah satu teknik yang digunakan oleh tenaga pengajar ketika di kelas. Hasil temu bual pengkaji menunjukkan bahawa terdapat aktiviti membina kumpulan kecil untuk perbincangan di dalam kelas. Ia dilakukan untuk menyelesaikan beberapa tugas yang diberikan kepada pelajar. Bukti temu bual adalah seperti berikut. "*Ado, subjek Jawi. Kita katalah, doh ramai an.. Kita kato haa.. kita buat kumpule, setanding.. haa.. kito buat kuiz.. boleh jawab berapa. Kumpulan ni boleh jawab berapa.. kito amik.. hrmm.. haa.. jadi dia usoho sikit.*" (PK1/ 11/IDIP). Begitu juga dengan PK2, beliau juga ada menyatakan perkara yang sama iaitu membina kumpulan untuk sesi pembentangan. "*Pernah. Untuk sesi pembentangan*" (PK2/13/IDIP).

Kajian ini juga mendapati tenaga pengajar menggunakan teknik pengukuhan melalui penyampaian secara berulang-ulang. Perkara ini terbukti semasa proses observasi yang

dijalankan di kelas. Kenyataan PK1 berkaitan perkara ini direkodkan adalah seperti berikut. *“Gitu jugok kalu tok faham. Tok leh nak sebut.. kalu baca sekali gitu, ia tok tahu apo nok sebut”* (PK1/12/IDIP). Ia juga turut disokong oleh PK2 dengan menyatakan jawapan beliau seperti berikut. *“Kalau kita jumpa dengan student dekat kelas, kita tak boleh nak tinggal terus, kita tak boleh tinggal. Kita kena, cari cari. Ulang, ulang supaya diorang boleh terima. Sebagai contoh, peristiwa nabi yang.. sebab dekat orang tua ..perempuan.. orang buta tu, orang buta tu perli nabi sampai .. last last nabi ulang perkataan tu. Akhirnya, masuk Islam. Sebabnya nabi berhikmah”* (PK2/14/IDIP).

Hasil dapatan yang terakhir dari sudut penyampaian tenaga pengajar ialah teknik memberi contoh. Tenaga pengajar memberi pelbagai contoh sewaktu sesi pengajaran kerana ia adalah untuk membuat perbandingan dan juga memberi kefahaman yang lebih mendalam terhadap sesuatu topik yang diajar. Hasil temu bual bersama PK1 mendapati kenyataan adalah seperti berikut; *“Hmm.. kito tak boleh buat perbandinge kalu kito tak bagi cotoh”* (PK1/13/IDIP). PK2 juga bersetuju dengan kaedah ini dan beliau menyatakan contoh yang pelbagai memudahkan pelajar dalam memahami sesuatu topik seperti peta minda, nota dan sebagainya. *“Ya. Pernahlah. Pelbagaikan contoh, haa.. cara..maksudnya macam mana ni.. adalah.. kita tengok macam mana. Mungkin saya buat mind-mapping, esok saya bagi nota. Esok saya bagi secara mulut”* (PK2/14/IDIP).

Hasil dapatan kajian menemukan bahawa tenaga pengajar mengaplikasi pelbagai metodologi antaranya teknik menggunakan laras bahasa yang sesuai, mewujudkan sesi soal jawab, membina kumpulan, memberi contoh dan isi pelajaran yang disampaikan secara berulang-ulang untuk pengukuhan kefahaman para pelajar.

## **ii. Penyelesaian Masalah**

Teknik penyelesaian masalah juga sering digunakan oleh tenaga pengajar di IDIP. Antara yang sering dilakukan ialah perkongsian masalah dengan pelajar sama ada di dalam atau di luar kelas. Memberi tugas tertentu sebahagian daripada teknik pengajaran melalui penyelesaian masalah.

Jadual 1: Rumusan Tema &amp; Sub Tema bagi Kategori Kaedah Penyelesaian Masalah

Kategori	Tema	Sub-tema
Kaedah Pengajaran	Penyelesaian Masalah	Perkongsian masalah dalam kelas
		Beri tugasan

Hasil dapatan kajian menunjukkan kaedah pengajaran seterusnya ialah teknik melalui penyelesaian masalah. PK1 menggalakkan pelajar untuk berkongsi masalah mereka dalam dan luar kelas. Ini dibuktikan dengan jawapan mereka. *“Tidak dari kelas lah. Luar kelas dia mari jupo. Kadang-kadang dalam kelas tengok gitu gak, kito panggil. Tidok selesai dalam kelas gitu, ado lah. Masaloh keluarga lah. Kita ada kelas. Dia cuti cuti. Bakpo? Keluargo sakit, go ni go ni macam macam”*(PK1/15/IDIP).

PK2 juga bersetuju dengan Kaedah ini dan beliau sebagai guru dan warden di IDIP tidak terlepas daripada mendengar perkongsian masalah saudara baru sama ada di dalam atau di luar kelas. Jawapan beliau direkodkan seperti berikut. *“Ya. Maksudnya, saya warden. Kadang-kadang kalau ada masalah, mereka jumpa dengan saya, dan yang pergi ke rumah tu. Face to face, sampai ada yang nangis, cerita masalah. Jadi, saya dah kenal macam mana masalah diorang, pastikan macam mana saya cuba relate kan balik dekat kelas macam mana supaya diorang ni tak terbawa-bawa masalah. Contohnya yang akademik ni, diorang tak berapa nak faham subjek. Subjek-subjek al-Quran. Takpe saya adjustkan sampai boleh baca. Buat kelas Quran..haa..”* (PK2/15/IDIP).

PK1 juga cenderung memberi pelbagai tugasan kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar. Kata mereka, *“Latihan. Pastu buat ujian gitu. Supo al-Quran ni kita buat ujian duo ujian wajib. Pastu latihan latihan baco ni lah. Kalau mata pelajaran lain, kita buat supo jawi tu. Setiap mata pelajaran kita bagi ujian, duo ujian. Duo latihan”*(PK1/16/IDIP). PK2 juga ada menyediakan pelbagai tugasan sebagai teknik pengajaran kepada mualaf. Jawapan PK2 adalah sebagaimana berikut; *“Saya bagi soalan selepas belajar, cari, buat nota ringkas, lepas saya mengajar, saya terang, esok saya nak ajar bab ta’wil dan tafsir. Aa.. Saya nak lepas ni balik, baca sikit. Esok dia bawak. Makna sebelum belajar tu..apa ni.. bila kita ngajar, dia cakap ni...cakap ni..boleh faham..oo.. macam ni”*(PK2/16/IDIP).

### iii. Aplikasi Metode hikmah

Metode hikmah yang digunakan oleh tenaga pengajar mewakili *uslub targhib wa tarhib, qudwah hasanah*, refleksi dan kata-kata yang lembut.

Jadual 2: Rumusan Tema & Sub Tema bagi Kategori Metode hikmah

Kategori	Tema	Sub-tema
Kaedah Pengajaran	Aplikasi Metode hikmah	<i>Targhib wa tarhib</i>
		<i>Qudwah hasanah</i>
		Refleksi
		Kata-kata yang lembut

PK1 menggunakan metode hikmah dengan mengaplikasi pendekatan *targhib wa tarhib* kepada pelajar. Pendekatan tersebut memberi galakan dan ancaman. Galakan yang dimaksudkan dengan memberi dorongan, hadiah dan sebagainya untuk mereka terus bersemangat untuk belajar. Manakala ancaman pula dalam bentuk hukuman seperti denda dan sebagainya sebagai pengajaran dan melatih mereka supaya mendisiplinkan diri. Kedua-dua elemen ini dinyatakan terdapat dalam perbualan bersama PK1. “*Tok tahu tu guane pujuk. Kalu pelajar hok tak mari tu. Kita pujuk pujuk.. lagu tu. Kalau kaedah mengajar ni.. Tidak denda, kalu tak dengar gak, keruk lalu. “Budok besar-besar kan, kadang-kadang dia kato..eh, sedapnya.. kita buat.. tarik telinga”*(PK1/16/IDIP). Antara elemen targhib yang dilakukan oleh PK1 ialah memberi pujian kepada pelajar untuk menarik perhatian mereka. Kenyataan beliau direkodkan seperti berikut. “*Kalau kita katolah baca tu...pah, baca molek. Angkat tangan (bagus) Haa.. gitulah. Sebab Quran ke, buat gitu*”(PK2/17/IDIP). PK2 juga bersetuju dengan Pendekatan memberi pujian kerana ia menjadikan sesuatu pengajian itu nampak menarik. “*Pernah lah. Kalau yang..ada yang buat terbaik. Kita pujilah. Alhamdulillah, kadang-kadang kelas kita pukul 11.10.45 dah main tunggu dah. Haa..*”(PK2/19/IDIP).

Hasil dapatan seterusnya ialah tenaga pengajar memilih pendekatan *qudwah hasanah* atau contoh teladan yang baik kepada pelajar. Ini dibuktikan dengan kenyataan berikut. “*Kita sendirilah tunjuk. Sikap sopan gapo. Baru lah dia tu.. kalau kita duk marah marah nanti dia tok.. kita bagitahu .. erm.. kita sendiri kena lembut*”(PK1/20/IDIP). Hal ini sangat disokong oleh PK2

memandangkan beliau merupakan seorang warden asrama yang sentiasa menjadi perhatian pelajar-pelajar. Penjagaan terhadap tingkah laku tenaga pengajar yang baik memberi kesan kepada sahsiah pelajar secara tidak langsung. Ini dibuktikan dengan kata-kata beliau seperti berikut. *“Itu sangat perlu. Contohnya..contoh.. waktu kena solat jamaah. Kita nak.. kita nak yang terbaik haa.. anak murid. Kita dah cakap, kita kena buat, tapi sedangkan, takde ikutan. Hmm.. jadi, nak tak nak saya perlu jadi qudwatul hasanah, baru orang akan respect. Kalau pensyarah pun tak buat, contoh.. nak ajar orang, persepsi orang nampak Islam ni macam mana an, jadi..maknanya elemen qudwatul hasanah ni, perlu ada pada setiap orang”*(PK2/23/IDIP).

Pendekatan Refleksi merupakan salah satu dapatan dibuktikan oleh pengkaji. Refleksi merupakan Pendekatan timbal balas terhadap aspek pengajaran tenaga pengajar. PK1 hanya mengiyakan sahaja apabila diajukan soalan berkaitan dengan refleksi kerana beliau sememangnya mengajar dalam subjek Quran yang amat memerlukan kaedah ini. Ini jawapan beliau. *“Hmm.. ada jugok. Meme gitu kalu bab bab gini”*(PK1/23/IDIP). Berbeza dengan PK2 yang menyatakan secara panjang lebar apabila diajukan persoalan ini. Kenyataan PK2 sebagaimana berikut. *“Erm.. pernah..pernah..pernah. Contohnya, kita bagi tajuk..ok, contohnya, Syazwan, ke depan jap. Cuba terangkan camne.. boleh buat tak. Contohnya, kalimah syhadah, dah habis mengucap kan err..dah boleh sebut..tapi macam mana..betul ke tidak. Saya panggil ke depan dan tulis. Haa..nak bagi diorang..tak nak bagi diorang hanya mendengar semata-mata. Nak tahu jugak macam mana..dia mampu ke tak mampu..apa yang kita ajar. Dia ingat tak ingat”*(PK2/25/IDIP).

Kata-kata yang lembut digunakan sewaktu pengajaran menjadi salah satu pendekatan pengajaran mualaf di IDIP. Apabila diajukan soalan ini kepada PK1, beliau tidak menjawab secara literalnya namun ketika pemerhatian dibuat sewaktu sesi pengajaran, PK1 ada mengamalkan pendekatan tersebut seperti sentiasa senyum dan bergurau dengan pelajar-pelajar beliau. PK2 pula menyatakan hal ini sebagaimana berikut. *“Kita tak boleh dengan keras. Dalam ayat tu juga mention supaya kita ni berdakwah secara metod lemah lembut, tak boleh keras. Kalau kita jumpa dengan student dekat kelas, kita tak boleh nak tinggal terus, kita tak boleh tinggal. Kita kena, cari cari”*(PK2/27/IDIP).

#### iv. Metodologi Penerapan Nilai

Metodologi penerapan nilai yang digunakan adalah melibatkan konsep pembelajaran sepanjang hayat, membaca kunci ilmu, *tazkiyat al-nafs*, sikap saling hormat menghormati dan penerapan akhlak.

Jadual 3: Rumusan Tema & Sub Tema bagi Kategori Kaedah Penerapan

Kategori	Tema	Sub-tema
Kaedah Pengajaran	Penerapan Nilai	Pembelajaran sepanjang hayat
		Membaca kunci ilmu
		Tazkiah an-Nafs
		Sikap saling hormat-menghomati
		Akhlak

Hasil dapatan kajian dalam metodologi pengajaran seterusnya ialah kaedah menerapkan nilai pembelajaran sepanjang hayat dan kedua-dua peserta kajian bersetuju dengan kaedah ini. PK1 menyatakan hal tersebut sebagaimana kenyataan berikut. *“Kita beri sokmo lah. Kito tok berasa cukup gop hok kita diri pun. Sebab tu suruh dengar situ..kan.. tidak semestinya secara formal ni, nuntut di sekolah sajo, di masjid pun belajar jugok, jadi tulah..”*(PK1/28/IDIP). PK2 juga turut bersetuju dengan kaedah ini. *“Maksudnya, ooh..pernahlah. Kira ni..ilmu tak banyak..jadi jangan berhenti kat sini. Contohnya, saya dah ajar kat kelas tu, saya ulang kat surau balik. Walaupun ilmu tu dah belajar kat sini”*(PK2/27/IDIP).

Selain itu, tenaga pengajar sering menerapkan mengenai konsep membaca merupakan jambatan ilmu. PK1 menggunakan kaedah ini untuk meningkatkan pengetahuan pelajar. *“Pelajar ni tok suka membaca. Tulah. Tidak kata tok suka jugok. Kalu kita tekan, baru lah misalnya nak buat ujian, barulah .. haa.. kalu gini gak..baca balik baca.. tu”*(PK1/25/IDIP). PK2 pula bersetuju dengan penerapan konsep membaca jambatan ilmu. Hal ini dibuktikan dengan kenyataan beliau. *“Membaca?..Selalu.. Ada jugak. Kadang-kadang diorang tanya.. ustaz, saya pernahlah terbaca buku.. ustaz, betul ke dalam tajuk ini..kita dah nampak mereka dah membaca.. Haa..hah”*(PK2/28/IDIP).



Selain itu PK2 cenderung melakukan sesi *tazkiah an-nafs* atau penyucian jiwa terhadap pelajar. Antaranya melalui dan tazkirah sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Hal ini dibuktikan oleh jawapan PK2. *“Yalah. Itulah satu-satunya err.. pernah jugaklah.. pernah pernah. Err.. dan tazkirah saya sendiri pun, saya bagitahu dah, yang contoh Quran فمن ذكر قدر من سعي من tu, tazkiyatun nafsi ni perlu kita bagitahu supaya diorang tak ni..hati tu.. bila dah buat tazkiyatun nafsi, mudah untuk diorang nak terima.. apa yang diajar”*(PK2/33/IDIP). Elemen lain dalam penyucian jiwa ialah memberi nasihat yang baik kepada pelajar sepertimana yang dinyatakan oleh PK1 dalam sesi temu bual bersama pengkaji. *“Nasihat. Hmm..”*(PK2/25/IDIP).

Tenaga pengajar juga sering menyemai sikap saling hormat-menghormati kepada manusia mencakupi seluruh aspek. PK1 tidak menjawab secara jelas dalam temu bual bersama beliau. Kaedah ini dibuktikan dengan jawapan daripada PK2. *“Saya selaku ketua warden nak pastikan anak-anak didik saya ni kiranya..menjadi yang terbaik. Sebabnya, saya.. segala didikan saya yang kena. Jadi, maknanya, setiap hari saya. Dalam kelas saya bagitahu, cakap. Perlu ada adabnya. Dekat kuliah pun. Contoh yang kita jumpa.. contoh contoh ada yang setengah tu jumpa dengan lecturer buat macam ini macam ini. Lepas tu saya panggil, saya cakap tak boleh buat macam ini, kita kena ada adab dengan guru sebab kita nak ilmu. Maknanya, saya.. benda ni saya tak tinggal. Err.. saudara baru kita lebihkan adab dulu”*(PK2/35/IDIP). PK2 turut menyuburkan sifat akhlak sebagai perkara penting sebagai seorang muslim dalam kalangan pelajarannya. Ini dibuktikan dengan jawapan beliau dalam temu bual bersama pengkaji. *“Akhlak. Sebelum akhlak penghayatan Islam lah. Macam mana kehidupan..”* (PK2/36/IDIP).

## 7.0 PENUTUP

Berdasarkan kajian yang dibuat, dapatan menunjukkan pelaksanaan pengajaran di IDIP menepati kriteria metodologi pengajaran yang baik seperti menggunakan pendekatan secara berhikmah, teknik penyampaian yang pelbagai, teknik penyelesaian masalah dan konsep penerapan. Namun terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dalam beberapa aspek antaranya pengajaran terancang, modul serta pemantauan pelaksanaan pengajaran dalam kalangan tenaga pengajar. Justeru kajian ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu memperbaiki mutu pelaksanaan pengajaran yang dilaksanakan terhadap golongan mualaf.

Kerjasama daripada semua pihak yang melibatkan pihak pengurusan, tenaga pengajar dan juga pelajar amat perlu bagi memberi impak yang lebih baik terhadap proses pengajaran. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu dalam memperbanyakkan lagi kajian berkaitan aspek pengajaran saudara baru yang melibatkan kaedah, teknik dan strategi yang sesuai untuk digunakan dalam pelaksanaan pengajaran.

**RUJUKAN**

- ‘Abd al-‘Aziz ‘Abd Allah bin Baz. (1413). *Majmu Fataawa Ibnu Baz*. Maktabah al-Ma’arif.
- ‘Abd al-Karim Zaidan. (1410). *Usul al-Dakwah*. Maktabah al-Manar al-Islami.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. (2005). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ibnu Manzur. (2003). *Lisan al-arab*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Jum’ah Amin Abd al-Aziz. (1409). *Al-Dakwah Qawa’aid wa Usul*. Dar al-Da’wah wa al Nashr.
- Mariam Abd. Majid (2012). *Mualaf Di Negeri Selangor Darul Ehsan : Kajian Terhadap Kepuasan Diri Terhadap Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Mohd Amin Abdul Rahim. (2007). *Panduan Dakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn.Bhd.
- Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni. (1991). *Al-Madkhal Ila ‘Ilm al-Da’wah: Dirasah Manhajiyah Shamilah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Amahzun. (2002). *Manhajun Nabiyy fi al-Dakwah min Sirah al-Sohihah: al-Ma’rifat , al-Tarbiyyah, al-Takhtit, al-Tanzim*. Terj, Anis Maftukhin & Nandang Burhanuddin. Jakarta: Qisthi Press.
- Al-Qaradhawi, Yusof. 1978. *Thaqafat al-Da’iyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Syamsul Bahri Andi Galigo, Khairunneezam Mohd Noor, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Rozali & Rozita Abdullah. 2005. *Membangun Masyarakat Moden yang Berilmu dan Berakhlak*. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Al-Sabuniy, Muhammad Ali. 2001. *Rawai’ al-Bayan: Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Qur’an*. Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Zarqani, Muhammad Abdul Adzim. 2001. *Manaahil al-Irfan fii Ulum al-Qur’an*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Othman Lebar. 2015. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Rozmi Ismail. 2013. *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).